

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

USUL KAMAR KHAS - PERATURAN MESYUARAT 17 BAHARU

UCAPAN : YB TUAN CHOW YU HUI
KAWASAN : RAUB
**TAJUK UCAPAN : LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN
BARANGAN DAN SAYURAN DI CAMERON
HIGHLANDS PADA Hujung MINGGU**
TARIKH : 25 MEI 2023 (KHAMIS)

SOALAN :

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya dimaklumkan bahawa Kementerian Kerja Raya bercadang untuk membuat suatu perintah di bawah Seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), yang kesannya akan melarang pemanduan atau penggunaan kenderaan barangan di atas Laluan 59, Jalan Tapah - Cameron Highlands dari koordinat U 4.518469, T 101.427908 hingga U 4.425714, T 101.386706, dari jam 10 pagi hingga 3 petang dari setiap hari Jumaat hingga Ahad (termasuk hari kelepasan am dan cuti sekolah), yang berkuat kuasa mulai 7 Februari 2023.

Pihak kami dimaklumkan oleh pejabat ADUN Tanah Rata bahawa hampir 40 salinan surat bantahan diterima daripada persatuan-persatuan pertanian di Cameron Highlands, syarikat pertanian, serta pekebun individu di Cameron Highlands terhadap larangan tersebut. Jumlah surat bantahan ini tidak termasuk surat yang dihantar terus kepada pihak Kementerian tanpa salinan kepada pihak ADUN tanah Rata.

Walaupun cadangan tersebut berkuat kuasa mulai 7 Februari 2023, sesi dialog hanya dianjurkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Cameron Highlands pada 3 Februari 2023, di mana hanya terdapat 4 hari

SOALAN NO : 1

sebelum warta tersebut sepatutnya berkuat kuasa. Sesi dialog dihadiri oleh hampir 100 orang peserta, iaitu wakil-wakil dari persatuan-persatuan pertanian, pengusaha logistik, dan pekebun Cameron Highlands. Semua hadirin yang berucap menyatakan bantahan terhadap larangan tersebut.

Larangan tersebut dikhuatiri menjejaskan rangkaian logistik sayuran Cameron Highlands dan bekalan sayuran di pasaran seluruh Malaysia. Ia berkemungkinan mengundang kepada situasi "lose-lose", di mana kepentingan pelbagai pihak, termasuk pekebun, pengusaha logistik, pemborong, penjual sayur, serta para pengguna seluruh Malaysia, akan terjejas.

Maka, saya dengan hormatnya ingin memohon pencerahan daripada pihak Kementerian mengenai soalan-soalan berikut:

- a. Apakah sebab Kementerian Kerja Raya perlu melaksanakan larangan tersebut di Cameron Highlands?
- b. Adakah larangan tersebut telah diwartakan dan bilakah larangan tersebut dijangka berkuat kuasa?
- c. Apakah Key Performance Indicator (KPI) yang ingin Kementerian capai melalui larangan tersebut?
- d. Apakah kajian yang telah dijalankan sehingga cadangan larangan ini dilihat sebagai mustahak untuk dilaksanakan? Jelaskan dapatan kajian.
- e. Adakah Kementerian membuat kajian tentang kesan-kesan sampingan yang mungkin terjadi akibat larangan tersebut, terutamanya impak terhadap rangkaian logistik dan bekalan sayuran di pasaran?
- f. Adakah Kementerian membincangkan larangan pemanduan tersebut bersama kementerian lain yang juga merupakan stakeholders, seperti Kementerian Pengangkutan serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan? Jelaskan hasil perbincangan tersebut.
- g. Adakah langkah-langkah alternatif lain yang berpotensi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Cameron Highlands dikaji? Jelaskan langkah-langkah tersebut.
- h. Adakah Kementerian akan mempertimbangkan untuk membatalkan larangan tersebut memandangkan ia telah mengundang bantahan daripada pelbagai pihak? Sekian, terima kasih.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, masalah kesesakan lalu lintas di Cameron Highlands sering dibangkitkan oleh orang ramai. Oleh itu, salah satu resolusi yang dibentangkan semasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pahang Ke-26/2022 pada 6 Julai 2022 bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas tersebut ialah mewartakan jalan utama iaitu Laluan Persekutuan 59 (FT59), Jalan Tapah – Cameron Highlands sebagai laluan terhad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Persekutuan telah dipertanggungjawabkan di bawah bidang kuasa Menteri Kerja Raya sebagaimana dalam Perlembagaan Persekutuan (Perkara 10 Senarai 1 – Senarai Persekutuan Jadual Kesembilan). Oleh itu, hal-hal berkaitan jalan tersebut termasuklah kuasa menyekat penggunaan kenderaan-kenderaan di jalan tersebut sebagaimana dalam seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] adalah tertakluk di bawah kelulusan Menteri Kerja Raya.

Berdasarkan keputusan MMK berkenaan, maka Kerajaan Negeri Pahang telah mengemukakan permohonan kepada Menteri Kerja Raya supaya resolusi tersebut dapat dikuatkuasakan. Oleh yang demikian, Kementerian Kerja Raya akan melaksanakan resolusi tersebut berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pahang Ke-26/2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah melaksanakan proses pewartaan Larangan Terhad. Walau bagaimanapun, larangan tersebut belum lagi dikuatkuasakan melalui Perintah dan diwartakan menerusi Warta Kerajaan Persekutuan. Jangkaan Perintah ini berkuat kuasa ialah pada bulan Jun 2023.

SOALAN NO : 1

Berhubung isu laluan alternatif Kementerian Kerja Raya telah membentangkan hasil Kajian Kesesakan Lalulintas Cameron Highlands, Pahang untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di Cameron Highlands. Daripada hasil kajian tersebut, Kerajaan telah meluluskan dua projek berikut:

- i. Projek Menaik Taraf Jalan dari Bulatan McDonald ke Persimpangan Brinchang / Time Tunnel dan membina *One Way Loop* di Kea Farm, Cameron Highlands, Pahang dengan anggaran kos sebanyak RM142.92 Juta
- ii. Projek membina jalan baharu dari Habu ke Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang dengan kos sebanyak RM480 Juta.

Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat berkenaan adakah Kementerian akan mempertimbangkan untuk membatalkan larangan tersebut memandangkan ia telah mengundang bantahan daripada pelbagai pihak. Kementerian ini akan mempertimbangkan perkara ini sekiranya mendapat syor daripada Kerajaan Negeri Pahang.

Sekian, terima kasih.